

Perhimpunan Umno ke-38 beri banyak pengajaran

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

PERHIMPUNAN Agung Umno ke-38 memberi banyak pengajaran. Ia menginsafkan bangsa Melayu supaya mengenal erti perpaduan sebenarnya, mengajar pemimpin mengenal antara musuh dan kawan, mengajar yang benar atau yang salah, mengajar mengenal putih atau hitam, mengajar bangsa Melayu ketawa atau menangis dan mengajar orang Melayu berhati-hati mencabut duri di kaki singa ganas.

Inilah antara kesan yang boleh dipelajari daripada perhimpunan yang dianggap paling bersejarah dalam usia 40 tahun Umno.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga mungkin sudah mempelajari perlunya beliau mula bermain politik supaya pisang tidak berbuah dua kali. Ini kerana selagi Umno mendokong amalan demokrasi, pemilihan pucuk pimpinan tetap dijangkakan. Tambahan pula, tradisi menentukan kepemimpinan parti sudah pecah. Jika empangan sudah retak, air pasti mengalir dan terus menghakis dan meruntuhkan benteng empangan tanpa boleh disekat lagi. Ia hanya dapat disekat dengan benteng baru yang kuat.

Setelah mengamati setiap ucapan daripada perwakilan dan anggota Majlis Tertinggi (MT), jelas kepada kita bahawa Umno memang memerlukan perpaduan, Umno perlu mendokong kepemimpinan negara dan ketuanan Melayu, Umno perlu terus membela nasib bangsa, agama dan negara.

Tidak ketinggalan juga, mungkin paling penting, Umno perlu mempunyai barisan pemimpin yang setia kepada perjuangan untuk menjamin segala yang dihasratkan oleh orang-orang Melayu dicapai.

Kita masih ingat kepada kata-kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mula menerajui Umno pada 1981 iaitu beliau memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi memimpin Umno.

Malangnya, setelah enam tahun diberi mandat, beliau terpaksa mengulangi kata-katanya itu sekali lagi. Bukannya beliau tidak pernah meminta kerjasama, tetapi kali ini dalam keadaan yang berbeza.

Jawapan kepada persoalan ini mudah. Datuk Seri Dr Mahathir tidak pandai bermain politik sebagaimana beberapa pemimpin lain yang sudah pun mendapat gelaran rasmi atau tidak rasmi sebagai ahli politik yang licin, pintar dan sebagainya.

Sebagaimana kata seorang perwakilan, orang politik tidak pernah serik. Jika sudah tertiarap pun, akan bangun juga.

Pernahkah kita mendengar orang mengatakan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir seorang yang ahli politik yang cerdik, halus atau sebagainya. Jawapannya tidak. Datuk Seri Dr Mahathir berdiri di atas kewibawaannya, Perdana Menteri mendapat tempat bukan kerana kepintaran politiknya, tetapi kemampuannya.

Berasaskan kepercayaannya yang begitu menabal kepada tradisi, akhirnya beliau diheret ke dalam kancah pertarungan yang jelas tidak menge-

Bolehlah diandaikan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir memang tidak menjangkakan beliau akan ditentang begitu hebat dengan kempen yang begitu kotor.

nal batasan.

Tidak ada apa yang tidak dicuba dijadikan bahan skandal untuk menjatuhkan beliau. Hatta kesilapan gambar sebuah majalah asing pun digunakan untuk menimbulkan kecurigaan kononnya beliau mempunyai isteri muda.

Bolehlah diandaikan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir memang tidak menjangkakan beliau akan ditentang begitu hebat dengan kempen yang begitu kotor. Cita-citanya untuk menyerahkan Umno kepada pemimpin berikutnya dalam keadaan yang tenteram dan mengikut tradisi, jelas terjejas.

Disebabkan beliau terlalu alpa kepada keyakinan rakyat dan bangsa Melayu keseluruhannya atau terlalu sibuk dengan urusan mentadbirkan negara, Datuk Seri Dr Mahathir lalai mempertahankan benteng politiknya sendiri. Beliau dikelilingi oleh rakan-rakan yang menikam dari belakang.

Jika diteliti daripada pemimpin-pemimpin yang menentangnya, mereka bukanlah barisan yang ditentukan sepenuhnya oleh beliau sendiri. Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir menerima atau meneruskan khidmat mereka berasaskan kepada perakuan yang diterimanya daripada orang yang dipercayainya ketika itu atau lebih tepat dikatakan sebagai "tuan atas tuan".

Boleh dikatakan, sebahagian besar Menteri Besar dan Ketua Menteri juga bukanlah pilihan peribadinya. Tetapi, beliau bernasib baik kerana hampir kesemuanya bukan melukut di tepi gantang.

Harapan beliau hanyalah supaya mereka dapat bekerjasama dengannya dan tidak melanggar peraturan jawatan yang sudah ditetapkan demi kebaikan Umno dan negara.

Setelah beberapa tahun mentadbir parti dan negara, Datuk Seri Dr Mahathir mula merasai kerjanya politiknya digugat, bermula dengan penentangan Tengku Razaleigh terhadap Datuk Musa dan kemudiannya perletakan jawatan Datuk Musa sendiri sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Seterusnya, muncullah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah, se-

bagai menentangnya. Seolah-olah itu tidak cukup untuk memeranjatkan Dr Mahathir, Tengku Razaleigh berpasangan pula dengan Datuk Musa.

Walaupun Dr Mahathir tentunya tidak menolak kemungkinan-kemungkinan seperti ini, tetapi hakikat ia benar-benar berlaku tetap memeranjatkan. Beliau sudah tidak mengenal yang mana satu kawan dan yang mana pula lawan. Disebabkan angin pertentangan yang terlalu kuat ini, kubunya di Kubang Pasu turut menjadi sasaran. Pertarungan jawatan Naib Ketua di bahagiannya, turut dikaitkan dengan pertandingan proksi. Begitu juga di hampir semua 133 bahagian Umno di seluruh negara.

Suka atau tidak, beliau terpaksa menghadingkannya. Pedomannya hanyalah meletakkan nasibnya di tangan 1,479 perwakilan. Ini sudah pun ditentukan. Walaupun ada suara-suara mempertikaikan kemenangan tipisnya, dengan hanya 43 undi, tetapi dilihat secara menyeluruh kemenangan itu adalah besar.

Dikaji daripada keseluruhan keputusan, Datuk Seri Dr Mahathir mempunyai seorang Timbalan, dua Naib Presiden dan 17 anggota MT yang boleh dianggap setia kepadanya, belum dikira Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan.

Ini berbanding seorang Naib Presiden dan lapan anggota MT dalam kumpulan yang menentangnya. Kemenangan ini jelas berupa kemenangan kumpulan yang berkisar di sekitar Dr Mahathir.

Terlalu jujur

Mungkin, ini yang dimaksudkannya dengan kemenangan yang ditentukan oleh 22 orang, ketika berucap menggulung perbahasan di hari terakhir perhimpunan agung semalam.

Tiada siapa boleh mengatakan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir memang tidak pandai bermukamuka dalam bermain politik. Mungkin kepandalan ini perlu dipelajari segera.

Jika beliau orang yang bermuka-muka dan tamak politik, sejak dahulu lagi beliau membersihkan kabinetnya daripada anggota-anggota yang tidak menyokongnya, apatah lagi yang menentangnya.

MCA sudah melakukannya. Kita lihat beberapa pemimpin berpotensi parti itu terus lenyap. Datuk Dr Neo Yee Pan, Datuk Michael Chen, Datuk Mak Hon Kam, Datuk Richard Ho, Tan Sri Lee Siok Yew, Dr Tan Tiong Hong dan ramai lagi, semuanya sudah lenyap dan tidak lagi menggugat.

Begitu juga dalam Gerakan dan MIC yang mana beberapa pemimpinnya tidak diberi tempat dalam pilihanraya.

Jika di segi ini kita katakan Datuk Seri Dr Mahathir terlalu jujur, kita boleh menerima kesimpulan itu. Tetapi tidak benar jika kita dikatakan Datuk Seri Dr Mahathir tidak langsung memilih orang yang membantunya.

Namun begitu, mereka dipilih bukanlah berasaskan kepada kepentingan politik peribadi, tetapi untuk membantunya mentadbirkan negara pada keseluruhannya.

Sebagai contoh, perlantikan Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin, tidak ada kaitan langsung

Kini, ahli-ahli Umno bercakap mengenai perpaduan. Mungkin, selepas tiga tahun lagi juga, saranan yang sama dibangkitkan sekali lagi. Apakah selama ini Umno tidak mengenal perpaduan?

untuk mempertahankan kedudukan politik Datuk Seri Dr Mahathir. Sebaliknya, bolehlah dikatakan perlantikan ini memberi masalah kepadanya kerana Encik Daim sendiri tidak mempunyai pengaruh politik yang kuat.

Bukannya Datuk Seri Dr Mahathir tidak tahu atau bukannya semua rakyat Malaysia tidak tahu, bahawa Encik Daim tidak bercita-cita untuk menjadi seorang tokoh politik terkemuka. Penampilannya hanya untuk membantu pengurusan kerajaan kerajaan.

Perlantikan Encik Anwar Ibrahim pula mempunyai risiko tinggi. Dr Mahathir sedar latar belakang Encik Anwar akan dijadikan bahan pertikaian. Tetapi beliau sedia menghadapi risiko itu kerana kemasukan Encik Anwar, ketika negara mendekati pilihanraya 1982, penting dalam usaha menghadapi serangan Pas.

Kita tidak dapat menafikan sejak kemasukan Encik Anwar, Umno menjadi lebih berwibawa sebagai parti yang memperjuangkan Islam dan sekaligus menjatuhkan moral Pas sehingga ia hampir lumpuh dalam pilihanraya lalu.

Walaupun banyak juga kata-kata kurang baik disampaikan kepada Encik Anwar, perwakilan umumnya tidak terpengaruh. Mereka mengiktiraf sumbangannya kepada Umno dalam masa agak singkat itu dengan memilihnya sebagai salah seorang Naib Presiden. Beliau membuktikan daya kepemimpinannya sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno selama tiga penggal.

Jika Encik Anwar tidak berada dalam Umno sekarang, beliau mungkin berada dalam Pas. Ketokohan Encik Anwar tidak boleh diperkecilkan. Beliau mampu menarik undi.

Kemenangan Encik Anwar adalah bukti penerimaan Umno terhadap keputusan kepada Datuk Seri Dr Mahathir membawanya masuk ke dalam Umno. Perwakilan amat jelas mengenai siapa yang mereka mahu sebagai Naib Presiden berasaskan undi yang luas yang memisahkan calon-

calon yang terpilih dengan yang gagal.

Encik Anwar juga sedar bahawa, "orang berbudi kita berjasa." Jadi, tidak salah jika Encik Anwar membantu Datuk Seri Dr Mahathir dalam kempen pemilihan lalu bersama-sama beberapa pemimpin lain yang setia termasuk Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datin Paduka Rafidah Aziz, menteri-menteri kabinet yang lain, menteri besar dan ketua menteri dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sanusi Junid.

Jika ada pun percaturan politik yang diambil oleh Datuk Seri Dr Mahathir ialah meletakkan Datuk Seri Sanusi sebagai Setiausaha Agung yang menimbulkan banyak rungutan.

Datuk Seri Sanusi mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Haji Mustapha Jabar yang meletakkan jawatan. Kekosongan itu perlu diisi. Berasaskan idea dan khidmat cemerlangnya kepada kerajaan dalam beberapa Kementerian, Datuk Seri Sanusi diharap dapat membuat pembaharuan kepada pentadbiran Umno.

Tetapi, Datuk Sanusi berbeza sekali daripada Encik Anwar atau Encik Daim. Datuk Sanusi berkata apa yang dirasakan dan beliau dianggap "gurkha" Dr Mahathir yang sedia melakukan apa sahaja, tanpa mempedulikan risikonya.

Namun begitu, tiada siapa boleh menafikan yang pidato-pidato beliau yang penuh dengan kiasan, perumpamaan dan cerita-cerita lucu sudah menjadi sesuatu yang dinanti-nanti oleh perwakilan.

Jika Datuk Seri Dr Mahathir beranggapan beliau tidak mahu dicabar, beliau sudah tentu melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai timbalannya ketika Datuk Musa meletakkan jawatan. Tetapi, beliau memilih Encik Ghafar Baba yang hampir sebaya dengannya. Tujuannya hanyalah untuk mengelakkan perpecahan dalam Umno.

Undi Tengku Razaleigh ketika mengalahkan Datuk Musa, bukanlah boleh dipandang ringan. Tetapi, beliau tidak mahu mengecilkan hati ahli-ahli Umno dan pengikut-pengikut Datuk Musa. Tetapi, pengikut Tengku Razaleigh tidak puas hati manakala bagi pengikut Datuk Musa, inilah masa yang ditunggu-tunggu. Muncullah pakatan Tengku Razaleigh-Datuk Musa. Mereka melakukan ini tanpa memikirkan rasional perlantikan itu.

Sebenarnya, dalam jangka masa yang panjang, Datuk Seri Dr Mahathir meletakkan dua kekosongan kepemimpinan akan datang supaya Presiden dan Timbalan Presiden atau Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dapat bekerjasama.

Jarak umur

Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Ghafar tidak mungkin menungkat dunia. Jarak umur antara kedua-dua mereka juga tidak jauh. Tetapi, disebabkan ada pihak yang tidak mahu mengamalkan falsafah 'biar lambat asalkan selamat', Umno melihat pertelingkahan sesama sendiri.

Sekarang, anggota-anggota Umno bercakap mengenai perpaduan. Mungkin, selepas tiga tahun lagi juga, saranan yang sama akan dibangkitkan sekali lagi. Apakah selama ini Umno tidak mengenal perpaduan? Apakah selama ini, Umno tidak mengiktiraf usahanya berjaya menyatupadukan perpaduan kaum di Malaysia? Apakah Umno sudah lupa bahawa perpaduanlah yang berjaya menggulingkan cadangan penubuhan Malayan Union? Apakah Umno sudah lupa bahawa perpaduan orang Melayulah yang menghalau British dari negara ini hingga memberi kemerdekaan? Apakah orang Melayu sudah lupa bahawa perpaduanlah yang menghapuskan komunis, perpaduanlah yang menstabilkan negara, perpaduanlah yang menghancurkan konfrantasi, perpaduanlah yang menyebabkan Umno hanya kalah satu kerusi daripada 89 kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya umum lalu dan perpaduanlah yang memajukan negara ini?

Mengapa perpaduan dibangkitkan lagi? Perpaduan hanya untuk menjaga hati adalah berbeza daripada perpaduan murni. Perwakilan, malahan seluruh rakyat, khasnya orang Melayu mungkin terharu dengan ucapan Datuk Seri Sanusi Junid.

Sinis tetapi bermakna, beliau lantang bersuara, "Orang Melayu tidak lagi mempunyai pejuang yang patut dibanggakan. Keagungan Hang Tuah pun sudah dipertikaikan, kerana orang sudah menulis bahawa Hang Jebat lagi hebat. Mat Kilau, Datuk Bahaman dan yang lain juga, tidak lagi dipedulikan."

Orang Melayu ketandusan pemimpin. Jika ada pun, sudah diburuk-burukkan. Gagasan perpaduan yang berselindung di sebalik kepentingan sendiri, sukar diterima. Gagasan perpaduan supaya Datuk Seri Dr Mahathir mengekalkan pemimpin-pemimpin yang mencabarnya, bertentangan dengan prinsip. Bukan semua yang bersetuju supaya golongan penentang dikekalkan. Ramai juga yang mahu supaya mereka mengundurkan diri secara terhormat.

Datuk Seri Dr Mahathir boleh membuat pilihan. Sama ada mengekal atau melucutkan mereka daripada jawatan kerajaan, tidak memberi sebarang kesan. Dikekalkan pun, beliau akan ditentang, dilucutkan pun, beliau akan ditentang.

Begitu juga, jika beliau sedar bahawa jika tewas terpaksa meninggalkan Seri Perdana dan melepaskan jawatan Perdana Menteri, mereka yang tewas terpaksa menerima hakikat ini.

Jadi, Datuk Seri Dr Mahathir boleh mencari jalan yang lebih selamat, bukan untuk dirinya, tetapi untuk parti dan kerajaan. Pada masa yang sama, Presiden Umno itu juga perlu memperbaiki dirinya. Sebagai manusia, tidak ada siapa pun yang lengkap.